

Operasi fasa 2 MRT dilancar 17 Julai

Info

MRT

Putrajaya: Operasi Fasa 2 Transit Aliran Massa (MRT) laluan Semantan-Kajang akan dilancarkan pada 17 Julai depan, sekali gus melengkapkan jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) sepanjang 51 kilometer.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata melalui Fasa 1 (Sungai Buloh-Semantan) dan Fasa 2 MRT ini, kerajaan menjangkakan perkhidmatan itu dapat memanfaatkan lebih 500,000 penumpang setiap hari.

“Saya sudah pilih tarikh yang agak istimewa bagi pelancaran Fasa 2 MRT iaitu 17. 7. 2017,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negeri Ke-2 (DPN Ke-2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) di sini, semalam.

Fasa 1 yang beroperasi pada 16 Disember 2016 membabitkan laluan dari Sungai Buloh ke Semantan sepanjang 21km, manakala Fa-

sa 2 pula untuk laluan sepanjang 9.5km bagi seksyen bawah tanah dari Semantan ke Maluri dan 20.5km laluan dari Maluri ke Kajang.

Keperluan laksana sistem pengangkutan awam cekap

Najib berkata, ada keperluan untuk melaksanakan sistem pengangkutan awam yang cekap, bukan saja menghubungkan bandar ke bandar dan bandar ke desa, bahkan mampu memberi akses

serta manfaat meluas terutama kepada orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama.

“Di samping itu, produktiviti negara juga akan meningkat dan kalau tidak, kita terpaksa berdepan kesesakan jalan pada tiap-tiap hari. Kita boleh jimat dua atau tiga jam sehari kerana mempunyai sistem pengangkutan awam yang cekap lagi berpatutan,” katanya.

→ **MRT** Fasa 1 membabitkan 12 stesen iaitu Sungai Buloh; Kampung Selamat; Kwasa Damansara; Kwasa Sentral; Kota Damansara; Surian; Mutiara Damansara; Bandar Utama; Taman Tun Dr Ismail; Phileo Damansara; Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

→ **Kadar** tambang bermula dari 80 sen hingga RM3.90 bagi bayaran tunai dan antara 80 sen hingga RM3.40 jika menggunakan kad Touch n Go untuk perjalanan sehala.